

UTUSAN  
24/3/2016

## Kerajaan kaji pelaksanaan Skim Perlindungan Agromakanan

UTUSAN  
24/3/16

**KUALA LUMPUR 23**

**Mac** - Kerajaan masih mengkaji pelaksanaan Skim Perlindungan Agromakanan bagi melindungi petani, penternak dan nelayan daripada kerugian akibat bencana alam dan wabak penyakit.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman** berkata, antara perkara yang akan dipertimbangkan termasuk nilai premium, pengurusan dana perlindungan, mekanisme tuntutan dan pembayaran pampasan.

Selain itu, katanya, amalan baik dari negara lain dalam melaksanakan skim perlindungan pertanian turut akan dikaji.

"Kita masih berbincang untuk mencari mekanisme terbaik kerana kerajaan tidak mahu golongan itu terbeban apabila mahu membayar skim itu. Setakat ini, tiada syarikat insurans yang sanggup mengadakan skim itu sekiranya bayaran premium rendah," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan **Datuk Sapawi Ahmad Wasali (BN-Sipitang)** mengenai skim insurans bagi membantu pesawah yang mengalami kerugian akibat bencana alam dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.